



21 Ogos 2014

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**“Kanak-Kanak 4 tahun maut ditinggalkan dalam kereta”**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius kejadian yang menimpa kanak-kanak Muhammad Aqil Arfan Adnan, 4 tahun yang maut akibat ditinggalkan lapan jam di dalam kereta oleh bapanya, walaupun pelbagai usaha advokasi dan pencegahan telah dilakukan oleh Kerajaan. Kejadian sebegini telah terjadi berulang kali tetapi **tidak pernah** dijadikan pengajaran oleh ibu bapa atau penjaga dalam memastikan keselamatan anak-anak mereka. Semestinya ibu bapa atau penjaga perlu lebih berhati-hati dalam memberi jagaan dan perlindungan kepada anak masing-masing.

**PERUNTUKAN AKTA KANAK-KANAK 2001**

Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) memperuntukkan Seksyen 31, bagi kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak dan Seksyen 33 berhubung kesalahan ibu bapa atau penjaga yang mengabaikan dan membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang sepatutnya. Jika didapati bersalah dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (RM20,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun (10 tahun) atau kedua-duanya.

Bagi Seksyen 31 (AKK 2001) dan Seksyen 33 (AKK 2001) memperuntukkan denda tidak lebih dari Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000) atau dipenjara tidak lebih dua tahun (2 tahun) atau kedua-duanya sekali.

Bagi menguatkuasakan peruntukan ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia untuk melakukan siasatan lanjut. Sekiranya terdapat unsur kecuaiian seperti peruntukan Seksyen 31 dan Seksyen 33 AKK 2001, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalankan pendakwaan terhadap ibubapa atau penjaga berkenaan.

Di samping tindakan pendakwaan terhadap ibu bapa atau penjaga yang didapati cuai dalam penjagaan anak-anak mereka, Jabatan turut menyediakan perkhidmatan sokongan kepada ahli keluarga yang lain seperti perkhidmatan kaunseling untuk mengatasi trauma akibat daripada kejadian yang menimpa dan lain-lain perkhidmatan sekiranya bersesuaian.

**Dato' Sri Rohani Abdul Karim**

Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

## MAKLUMAT TAMBAHAN : STATISTIK KES

Statistik kejadian kanak-kanak mati di dalam kenderaan dari tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti berikut :-

Tahun	Bilangan kes	Peruntukan Akta
2011	2 kes	Disiasat dibawah Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001
2012	1 kes	Disiasat dibawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001
2013	3 kes	Disiasat dibawah Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001